



Hai, kami membayar RM1,000 sehari untuk kemasukan data! Berminat?

Ya!

Sila buat bayaran RM500 untuk yuran pendaftaran. Bayaran ini akan dipulangkan kepada anda.

Kerja mudah untuk gaji yang tinggi? Ia adalah satu penipuan!

Jangan terpedaya sehingga menerima tawaran kerja melalui rangkaian media sosial yang memerlukan anda untuk membuat pembayaran pendahuluan bagi barangan dengan perjanjian bayaran komisen yang tinggi. Ia adalah taktik penipuan!

Lindungi diri anda dengan mengetahui tanda-tanda gejala penipuan.

AWASI PETANDA BERBAHAYA INI

- **Majikan yang memerlukan bayaran sebelum anda boleh mula bekerja**
Majikan yang sah tidak akan meminta sebarang bayaran sebagai pertukaran untuk jaminan perkerjaan. Jika anda diminta membuat pembayaran ke akaun pihak ketiga, itu adalah satu penipuan!
- **Tawaran komisyen yang amat lumayan untuk perkerjaan yang mudah**
Jangan terima tawaran pekerjaan yang menjanjikan pulangan lumayan bagi usaha yang minimum.
- **Menerima mesej yang tidak diundang mengenai tawaran pekerjaan daripada sumber yang tidak sah di media sosial dan aplikasi mesej**
Laman web palsu, e-mel dan akaun media sosial boleh kelihatan seperti yang tulen. Hubungi nombor telefon rasmi syarikat yang berkenaan dan semak sama ada tawaran pekerjaan sedemikian memang sah.